

Headline **Penuntut UUM fail tuntutan**  
Date **29 Jun 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U6**  
Article Size **327 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,799**  
PRValue **5,396**



# Penuntut UUM fail tuntutan

## Rayuan batal kontrak ditolak TTPM

**ROSNANI SAAD**

**ALOR SETAR** - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Kedah semalam, menolak permohonan 32 penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk membatalkan kontrak yang ditandatangani dengan Linguaphone Distributors Sdn Bhd (LDSB) sebaliknya membuat pindaan terhadap terma kontrak berkenaan.

Presiden TTPM, Rahana Abdul Razak berkata, kontrak berkenaan adalah sah, namun terdapat kesalahan dari segi penjualan produk itu.

Menurutnya, keputusan yang dibuat adalah untuk mengimbangi kes berkenaan dan jika kedua-dua pihak tidak berpuas hati, mereka boleh mengemukakan rayuan.

"Pihak yang menuntut dikehendaki membuat pembayaran kepada LDSB dalam tempoh 24 bulan dengan ansuran pertama RM110 mulai bulan depan," katanya.

Rahana berkata, keputusan itu perlu dibuat memandangkan tempoh satu jam yang diberikan untuk kedua-dua pihak berbincang dan mencari jalan penyelesaian tidak mencapai kata sepakat.

"LDSB tidak boleh mengenakan sebarang faedah sepanjang tempoh 24 bulan dan kadar faedah lapan peratus boleh dikenakan selepas 24 bulan.

"Sepanjang tempoh itu, LDSB hanya boleh membuat panggilan atau meng-

hantar surat ingatan kepada pihak yang menuntut pada Julai ini dan pada bulan ke 23 dan 24 bagi memastikan bayaran dibuat," katanya.

Mohd Hafiz Mat, 20, adalah daripada 32 penuntut yang memfailkan tuntutan terhadap LDSB untuk menamatkan kontrak yang ditandatangani atas alasan dikenakan denda lewat bayar dan faedah.

Mohd Hafiz berkata, sewaktu membeli produk itu, dia hanya membayar deposit berjumlah RM299.

"Jurujual memaklumkan bahawa tiada bayaran yang perlu dibuat dalam tempoh tiga bulan pertama, namun sebulan selepas menerima produk itu, saya menerima panggilan yang mengarahkan saya untuk membuat bayaran.

"Saya membuat pembelian pada 23 Mac lalu dan hanya membayar sekali ansuran RM110 pada April lalu," katanya.

LDSB diwakili Pengurus Kawalan Kredit, Ariffin Long Chik.

Headline **Penuntut UUM fail tuntutan**  
Date **29 Jun 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U6**  
Article Size **327 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,799**  
PRValue **5,396**

“*Pihak yang menuntut  
dikehendaki  
membuat pembayaran  
kepada LDSB dalam tempoh  
24 bulan dengan ansuran  
pertama RM110 mulai bulan  
depan.*”

- Rahana



■ **Sebahagian penuntut UUM menfailkan tuntutan membatalkan kontrak dengan LDSB.**